



**PANDUAN PERMOHONAN
PENGKATALOGAN DALAM
PENERBITAN (PDP) BAGI
PENERBITAN BUKU**



**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

DEFINISI PENGKATALOGAN DALAM PENERBITAN

PDP atau Pengkatalogan dalam Penerbitan adalah perkhidmatan pengeluaran data entri katalog yang diberikan kepada mana-mana penerbit di Malaysia sebelum sesuatu judul diterbitkan.

Setiap penerbitan buku adalah digalakkan menggunakan perkhidmatan PDP.

KATEGORI BUKU YANG LAYAK MEMOHON PDP

Semua bahan monograf seperti buku rujukan, buku ilmiah, buku kanak-kanak, buku fiksi dan lain-lain kecuali Terbitan Bersiri.

Data maklumat PDP akan diinput ke dalam Pangkalan Data Perpustakaan Negara Malaysia (OPAC PNM) sebagai bahan dalam proses penerbitan oleh penerbit dengan paparan "Pre-publication record" dalam sistem sehingga terbitan tersebut diterbitkan dan diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

FAEDAH PDP DALAM PENERBITAN BUKU

- Dapat membantu perpustakaan, pusat maklumat, penyelidik, pembaca atau orang ramai dalam pencarian, pemilihan dan perolehan bahan dalam bidang perkara yang diinginkan.
- Dapat membantu dalam mempromosi jualan oleh penerbit melalui bidang-bidang perkara yang diperlukan oleh sebuah organisasi khusus.
- Dapat menyeragamkan pengkatalogan perpustakaan secara standard di seluruh Malaysia.
- Sebagai memenuhi amalan dan spesifikasi piawaian antarabangsa dalam perkhidmatan Pengkatalogan - dalam - Penerbitan.

PROSEDUR PERMOHONAN PDP

1. Dokumen yang diperlukan semasa permohonan
 - 1.1. satu salinan Borang Permohonan PDP [PNM.PK(O)PBN.02(B4)].
 - 1.2. satu salinan mukasurat judul atau 'cover' buku.
 - 1.3. satu salinan mukasurat kandungan.
 - 1.4. satu salinan kata pendahuluan / kata pengantar / prakata.
 - 1.5. satu salinan abstrak / sinopsis ringkas buku.

MAKLUMAT BIBLIOGRAFI YANG DISENARAIKAN DALAM DATA PDP

- Nama pengarang / pengarang bersama
- Judul buku
- Edisi (jika ada)
- Judul siri (jika ada)
- Nombor ISBN (kulit keras/kulit nipis/set)
- Bibliografi dan indeks
- Bidang perkara utama yang dibincangkan dalam kandungan buku
- No pengkelasan bahan mengikut Dewey Decimal Classification (DDC)

CONTOH DATA PDP PADA BUKU

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nizaita Omar

Fikah Islam dalam pembangunan
tamadun ummah /

Nizaita binti Omar.

ISBN 978-967-5366-44-4

1. Islamic law. I. Judul.

340.59

* Dicetak pada helaian mukasurat hakcipta buku

PROSEDUR MENCETAK DATA PDP

Data PDP perlu dicetak pada halaman hakcipta mengikut format yang diberikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Penerbit adalah dilarang sama sekali mencetak data PDP yang bukannya dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

TATACARA PERMOHONAN PDP

Permohonan boleh dibuat melalui faks, pos, e-mail ataupun berkunjung ke Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia.

Borang permohonan juga boleh didapati melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia.

<http://www.pnm.gov.my>

klik Perkhidmatan *klik* Penerbit *klik* Permohonan *klik* Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP) *klik* Borang Permohonan PDP.

KADAR BAYARAN

Perkhidmatan adalah **PERCUMA**



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Perpustakaan Negara Malaysia
Pusat Bibliografi Negara
Aras 3 Timur, Anjung Bestari,
232, Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur

Tel : 603-26871700 samb. 4288 atau
603-26814329
Faks : 603-26811676
E-mel : pdp@pnm.my

